



# مجلس سبوتن نزل القرآن

فیضکت نکلا

۱۷ رمضان ۱۴۴۲ ۲۹ افریل ۲۰۲۱ م

برتمقت:

دقوست قسیداعن انتار بغسا براکس نکلا برونی دارالسلام

تیما:

القرآن اساس دان قمعین قباعون نکلا



**MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN  
PERINGKAT NEGARA  
TAHUN 1442 HIJRAH**

**Hari Khamis Malam Jumaat,  
17 Ramadhan 1442H bersamaan 29 April 2021M  
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas  
Negara Brunei Darussalam**





القرآن اساس دان قمعکین قباغونن نکلا

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*





**ATURCARA  
MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN  
PERINGKAT NEGARA  
TAHUN 1442 HIJRAH**

**Hari Khamis Malam Jumaat,  
17 Ramadhan 1442H bersamaan 29 April 2021M  
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas  
Negara Brunei Darussalam**

8.45 malam : Ahli Jawatankuasa hadir.

9.00 malam : Para Jemputan hadir.

9.30 malam : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara.

9.45 malam : Keberangkatan **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berserta Kerabat Diraja, dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1442 Hijrah.

: Bacaan Surah Al-Fatihah.

: Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1442 Hijrah.

: Titah **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**

: Permakluman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442H/2021M.

- Kategori 'A'  
Menghafaz 1 Juz iaitu Juz 30 berserta Pemahaman Surah Al-Ghâsyiah, Surah Al-Fajr, Surah Adh-Dhuhâ dan Surah Al-Qadr bagi yang berumur 13 tahun ke bawah iaitu yang lahir pada tahun 2008 ke atas.

- Kategori 'B'  
Menghafaz Surah-Surah Pilihan :  
Surah Al-Kahfi, Surah Luqmân, Surah As-Sajdah, Surah

Ar-Rahmân, Surah Al-Wâqi‘ah, Surah Al-Mulk, Surah Al-Insân, Surah Yâsîn dan Surah Al-Jinn berserta Pemahaman Surah Al-Jumu'ah dan Surah An-Nûr bagi yang berumur 14 tahun ke atas yang lahir pada tahun 2007 ke atas.

- Kategori ‘C’  
Menghafaz 3 Juz Al-Qur’an iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 3 berserta Pemahaman Surah Al-Mâidah terbuka kepada semua peringkat umur.
- Kategori ‘D’  
Menghafaz 15 Juz Al-Qur’an iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 15 berserta Pemahaman Surah Al-Anbiâ’ dan Surah Al-Hajj terbuka kepada semua peringkat umur.
- Kategori ‘E’  
Menghafaz 30 Juz Al-Qur’an iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 30 berserta Pemahaman Surah Al-Ahqâf, Surah Muhammad, Surah Al-Fâth, Surah Al-Hujurât dan Surah Qâf terbuka kepada semua peringkat umur.

: Persembahan lima (5) orang pemenang terbaik dari Musabaqah Menghafaz Al-Qur’an berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442H/2021M.

Kategori ‘A’

Kategori ‘B’

Kategori ‘C’

Kategori ‘D’

Kategori ‘E’

: **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** dijunjung bagi menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah dan cenderamata kepada para peserta.

- : Bacaan Do'a Selamat.
- : **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berangkat meninggalkan majlis dengan diikuti oleh Kerabat Diraja dan Pembesar-Pembesar Negara.
- : Majlis bersurai.

## KATA-KATA ALUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد  
وعلى آله وصحبه أجمعين  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Alhamdulillah wasyukru Lilllah.* Tanda bersejarah sempena turunnya al-Qur'an yang kita sebut *Nuzul al-Qur'an* dapat lagi kita anjurkan. Dan sebagaimana yang sudah lazim setiap tahun ia bersifat kenegaraan, yakni sambutannya di peringkat Negara dengan ditandai bermajlis rasmi dan tarikh 17 haribulan *Ramadhan* terhitung sebagai hari cuti awam.

Begitulah hakikatnya kita memuliakan al-Qur'an kitab suci yang ayat-ayatNya diturunkan berperingkat-peringkat kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam Rasulullah Junjungan kita. Ianya merupakan mu'jizat Allah Subhânahu wa Ta'âlâ kepada Baginda sepanjang zaman.

Ia juga disifatkan mu'jizat keilmuan yakni *I'jaz al-'Ilmi* sehingga merentasi segenap zaman, tempat dan suasana. Kita beri'tiqad, tanpa ragu mempercayai dan menerimanya sebagaimana yang Allah Subhânahu wa Ta'âlâ sendiri firmankan dalam Surah al-Baqarah Ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Yang makna terjemahannya: "Itulah Kitab (al-Qur'an) yang tidak ada keraguan padanya. Ia adalah sebagai petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa."

Sebagai petunjuk maka ayat-ayat al-Qur'an adalah merupakan pedoman dalam kita berusaha menyempurnakan kehidupan bagi mendapatkan keredhaan Allah Subhânahu wa Ta'âlâ di dunia dan di akhirat. Maka kitab al-Qur'an itu dipelajari untuk dibaca dan difahami semampu yang terdaya.

Kedua-duanya iaitu membaca dan memahami ayat-ayat al-Qur'an itu adalah *disyari'atkan* sebagaimana menurut keterangan firman Allah Subhânahu wa Ta'âlâ dan riwayat-riwayat hadits Nabi Shallallâhu 'alaihi wasallam. Bahkan keutamaan atau fadhilat kebaikan setakat membacanya pun ada banyak disebutkan dalam riwayat hadits-hadits.

Kedua-dua tujuan tersebut iaitu membaca dan memahami al-Qur'an adalah menjadi amalan tradisi umat Islam turun-temurun yang mana salinan-salinan mushafnya juga kekal bersama umat Islam di serata penjuru dunia dengan tetap terjaga keasliannya.

Dan di Negara kita Brunei Darussalam juga bertuah dengan usaha menerbitkan beberapa edisi mushafnya. Selain dipelajari untuk dibaca, bahkan kita juga mempunyai institusi formal menghafalnya dan mengadakan usaha-usaha menyebarkan kefahaman maksud ayat-ayatnya.

Maka sedemikian itulah juga menjadi amalan dan tradisi yang baik majlis sambutan Nuzul al-Qur'an yang kita anjurkan seperti malam ini, Musabaqah Menghafal al-Qur'an berserta Pemahamannya.

Ianya menandakan kesungguhan kita senegara untuk sama-sama mengikuti amalan dan memelihara tradisi yang baik umat Islam zaman-berzaman, generasi demi generasi sehingga ke akhirnya, iaitu belajar membaca ayat-ayatnya sambil berusaha menghafal dan memahami kandungannya sedaya-upaya yang terdaya.

Alhamdulillah. Inilah juga sebahagian mercu tanda keislaman Brunei negara kita yang bertuah dengan pemerintahan Berajanya, mengekalkan keaslian amalan dan tradisi yang baik dalam modenisasinya. Dan ini terpancar juga dari ungkapan tema sambutan tahun ini **Al-Qur'an Asas dan Pemangkin Pembangunan Negara**.

Demikianlah. Semoga kita sentiasa dalam rahmat kasih sayang Allah Subhânahu wa Ta'âlâ.

**Yang Berhormat**  
**Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia**  
**Ustaz Haji Awang Badaruddin bin**  
**Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman**  
Menteri Hal Ehwal Ugama.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام

**HURAIAN TEMA**  
**MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN**  
**PERINGKAT NEGARA**  
**BAGI TAHUN 1442H / 2021M**  
**'AL-QUR'AN ASAS DAN PEMANGKIN**  
**PEMBANGUNAN NEGARA'**

Membangun urusan dunia merupakan salah satu fardhu kifayah yang dituntut ke atas umat Islam kerana banyak prasarana yang diperlukan di dalam kehidupan manusia untuk meraih *al-falah* iaitu kejayaan di dunia dan akhirat serta memelihara kesejahteraan umat sejagat yang meliputi kecukupan fizikal manusia dan ketenangan hidup yang dapat ditemukan melalui keseimbangan keperluan material dan keperluan rohani manusia. Firman Allah di dalam surah al-Qashash, ayat 77:

وَاتَّبِعْ فِيمَا أَمَرَكَ اللَّهُ ۚ أَلَا تَرَىٰ أَنَّا لَآخِرَةُ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا  
أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَتَّبِعِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Mafhumnya: “Dan carilah (pahala) negeri Akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan.”

Untuk mencapai keseimbangan di dalam melaksanakan fardhu kifayah ini agar ia sejajar dengan *maqasid syar'iah* dan menjadi ibadah maka satu landasan yang betul telah tersedia di dalam kitab yang syumul, kalam Allah Al-Qur'anul Karim.

Tidak diragukan lagi pembangunan yang berlandaskan al-Qur'an adalah sangat jitu kerana al-Qur'an ialah sumber ilmu dalam berbagai variasi untuk kegunaan seluruh kehidupan yang padat dengan fakta, pengetahuan, pengajaran, kisah teladan, iktibar dan panduan yang penuh dengan peringatan. Allah memberi jaminan kepada manusia yang menjadikan al-Qur'an sebagai petunjuk dan nasihat akan mendapat keberkatan dengan kemanisan takwa dan

iman di dunia dan akhirat. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Mafhumnya: “Itulah Kitab (al-Qur’an) yang tidak ada keraguan padanya. Ia adalah sebagai petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa.”

Firman Allah dalam surah Yûnus ayat 57:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ  
وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Mafhumnya: “Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu (al-Qur’an yang menjadi) pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi (penyakit batin) yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

Pembangunan negara yang berteraskan al-Qur’an akan seterusnya membentuk insan yang memiliki akal dan hati yang seimbang di dalam menggembelng kebenaran dan kemaslahatan. Minda dan naluri yang dipimpin dengan pendekatan al-Qur’an adalah bersesuaian dengan fitrah manusia di semua zaman tanpa mengira agama dan bangsa akan mencetuskan nilai-nilai murni dalam masyarakat bagi menggerakkan pelbagai bentuk perubahan yang positif. Ini selaras dengan mukjizat al-Qur’an sebagai sumber rujukan yang menekankan kepada pembentukan akal dan minda yang bertitik tolak daripada keimanan dan pedoman hidup. Ianya jelas telah terbukti berjaya mencorakkan kehidupan generasi Islam di zaman Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam khususnya dalam membangun sebuah negara madani.

Perkara itu diperkukuhkan lagi dengan tujuan al-Qur’an diturunkan, iaitu untuk membina umat yang mempunyai kemuliaan dan menjadi saksi atas umat yang lain. Umat yang mengasaskan kehidupannya berteraskan kepada akidah, *syari’ah* dan akhlak. Di dalam al-Qur’an terdapat beberapa asas dan pemangkin yang menjanjikan pembangunan yang stabil, harmoni dan berdaya tahan. Antaranya:

i. Al-Qur'an adalah petunjuk daripada Allah. Tidak ada petunjuk yang lebih lurus selain daripada petunjuk Allah. FirmanNya di dalam surah al-Isrâ' ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Mafhumnya: “Sesungguhnya al-Qur'an ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar.”

ii. Al-Qur'an diturunkan untuk mempermudah urusan manusia sehingga mereka merasakan kekuatan rohani yang membanteras ketakutan kerana kekuatan itu datang daripada Allah. Allah berfirman dalam surah Thâhâ ayat 2-3:

مَا أَنزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتَشْقَى ﴿٢﴾ إِلَّا نَذِيرًا لِّمَن يَخْشَى ﴿٣﴾

Mafhumnya: “Kami tidak menurunkan al-Qur'an kepadamu (wahai Nabi Muhammad) supaya engkau menjadi susah. Tetapi (adalah) sebagai peringatan untuk orang yang takut (kepada Allah Subhânahu wa Ta'âlâ).”

iii. Al-Qur'an itu penawar dan rahmat daripada Allah kerana rahmat dan penawar itu hanya Allah yang memilikinya. Maka sudah tentu pembangunan yang utuh, dinamik dan berdaya tahan hanya akan terbina dengan rahmat dan penawar daripada Allah. Firman Allah di dalam surah al-Isrâ' ayat 82:

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٢﴾

Mafhumnya: “Dan Kami menurunkan daripada al-Qur'an suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

iv. Keistimewaan al-Qur'an adalah sebagai kitab yang mudah difahami dan jelas maksudnya serta sesuai untuk manusia sejagat sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Qamar, ayat 17:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Mafhumnya: “Dan demi sesungguhnya Kami telah memudahkan al-Qur’an untuk peringatan, maka adakah siapa yang mahu mengambil pengajaran.”

v. Tiada kebathilan di dalam kandungan al-Qur’an. Maka membangun dengan bersumberkan panduan al-Qur’an dijamin selamat selama mana berpegang teguh pada yang hak atau kebenaran. Firman Allah di dalam surah Fushshilat ayat 41-42:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالذِّكْرِ لَمَّا جَاءَهُمْ وَلَئِنْ لَكَ نَبِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾ لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ  
مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

Mafhumnya: “Sesungguhnya orang-orang yang mengingkari al-Qur’an ketika ia sampai kepada mereka, (mereka itu pasti akan ditimpa azab) dan sesungguhnya al-Qur’an itu ialah sebuah kitab yang mulia. Yang tidak datang kepadanya kebathilan pada masa lalu dan juga akan datang, turunnya daripada Allah yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji.”

vi. Al-Qur’an petunjuk yang terpelihara keasliannya di sisi Allah. Sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Hijr, ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Mafhumnya: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur’an dan sesungguhnya Kami benar-benar Pemeliharanya (daripada perubahan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan.”

Kesimpulannya al-Qur’an adalah asas dan faktor utama yang menyumbang kepada pemerkasaan pembangunan. Pembangunan yang selaras dengan tabiat semulajadi manusia sebagaimana Allah menciptakannya adalah pembangunan yang seimbang di dalam keperluan material, fizikal dan spiritual. Maka peganglah pengajaran al-Qur’an sebagai modal dalam pembangunan negara kerana ianya akan memberikan natijah yang baik dan indikator yang penting dalam menentukan tahap pemerkasaan pembangunan negara agar sentiasa menjadi *بلدة طيبة ورب غفور*

**IMBAS KEMBALI  
MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN  
PERINGKAT NEGARA  
TAHUN 1440 HIJRAH**

**PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،

والصلاة والسلام على أشرف المرسلين، سيدنا محمد،

وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita hadir di Majlis Memperingati Nuzul Al-Qur'an yang penuh berkat ini.

Peristiwa Nuzul Al-Qur'an berlaku pada malam 17 Ramadan di Gua Hira. Dan peristiwa inilah yang kita sambut, malah oleh seluruh umat Islam di serata dunia.

Al-Qur'an adalah sumber hidayah untuk kita memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Apa jua yang terkandung dalam Al-Qur'an, adalah ia petunjuk ketuhanan untuk dipakai. Barangsiapa yang mengikut atau memakainya, itulah orang-orang yang berjaya.

Pada awal Surah Al-Baqarah, Al-Qur'an disifatkan sebagai kitab daripada Allah yang tidak terdapat padanya sebarang keraguan dan menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa. Barangsiapa yang benar-benar beriman dengan Al-Qur'an, Allah menjamin, mereka itulah orang-orang yang berjaya.

Begitulah hakikat Al-Qur'an, semakin ia dibaca, semakin banyak hikmah atau pengajaran yang diperolehi. Semua kita maklum, ayat pertama yang diturunkan adalah mengenai pembelajaran dan pembacaan Al-Qur'an itu, iaitu satu isyarat bahawa Al-Qur'an adalah sumber segala ilmu pengetahuan.

Kita tidak akan sesat selagi mana berpegang teguh kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah. Kerana Al-Qur'an adalah mukjizat agung yang ditinggalkan oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menjadi pemandu jalan, khasnya di zaman mutakhir yang penuh liku dan cabaran ini.

Di antara cabaran yang membebani kita, terdapat satu trend, orang suka bercakap atau berteori perkara-perkara yang bertentangan dengan Al-Qur'an atau Al-Hadis.

Mengenai mimpikan Nabi atau berjumpa dengan Nabi dalam mimpi adalah perkara benar kerana syaitan tidak dapat menyerupai Nabi. Namun para ulama ada yang melarang atau tidak menggalakkan untuk menceritakan mimpi itu kepada umum. Kerana mimpi Nabi adalah perkara besar dan sulit, tidak wajar ia untuk dijaja.

Di samping itu, perlu juga dinilai siapa yang bermimpi, apa latar belakangnya dan apa isi mimpinya itu. Kerana cerita boleh saja direka-reka, seperti Nabi berkirim salam kepada ramai orang, yang memberi gambaran betapa hebatnya ingatan orang yang bermimpi sehingga mampu mengingat satu persatu nama-nama yang diminta untuk disampaikan salam itu.

Juga turut mustahak diperhatikan ialah isi mimpi, jika ianya bercanggah dengan Al-Qur'an atau Al-Hadis, seperti baru-baru ini ada orang yang membawa cerita mimpikan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, konon-kononnya Baginda itu memberitahu, bahawa yang mula-mula sekali masuk Syurga ialah umat Baginda. Kemudian baru Baginda sendiri.

Sedangkan menurut hadis sendiri, tiada siapa pun yang mula-mula dibukakan pintu Syurga, melainkan hanya Nabi, dalam makna Bagindalah orang pertama yang mula-mula sekali memasuki Syurga, sebelum lagi orang lain.

Tetapi walaupun kedudukan hadis ini sudah dijelaskan, namun masih ada juga pihak yang terus berdegil untuk membenarkan mimpi tersebut. Inilah yang beta maksudkan sebagai cabaran yang membebani itu.

Sebagai langkah mengatasi perkara seumpama ini, beta meminta kepada pihak berkenaan yang menjalankan kuasa di bawah akta Permohonan Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Qur'an / Ugama / Berceramah Ugama, Majlis Ugama Islam Brunei, supaya berhati-hati dalam memberikan sebarang kebenaran.

Sepatutnya, kalau benar seseorang itu memiliki ilmu ugama yang mantap, maka sudah barang tentu dia akan lebih sensitif dengan amaran Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : “Barangsiapa yang sengahaja berdusta atas nama Baginda, maka siaplah tempatnya dalam Neraka.” (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Inilah makanya beta mahu, supaya Pelajaran Ugama dan Al-Qur'an itu dikuatkan di semua sekolah, bukan sahaja di sekolah-sekolah ugama dan Arab, malah juga di sekolah-sekolah menengah, di bawah Kementerian Pendidikan dan juga swasta.

Beta sangat berhasrat, rakyat di negara ini mendapat pendidikan ugama yang betul, yang tidak menyimpang daripada Al-Qur'an dan Al-Hadis, supaya negara benar-benar beroleh keberkatan rahmat daripada Allah.

Beta yakin, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan telah pun melangkah ke arah merancang satu kurikulum pengajaran Al-Qur'an dan ugama di sekolah-sekolah menengah dan juga swasta, di mana salah satu yang turut menjadi keutamaan ialah pelajaran 'Sejarah Islam'.

Adapun skop pelajaran Sejarah Islam itu amatlah luas, meliputi Al-Qur'an dan Al-Hadis. Bukankah apa-apa jua telah dikhabarkan berlaku dalam Al-Qur'an atau Al-Hadis itu sejarah?

Maka kerana itu, beta sangatlah berhajat untuk melihat perkara ini direalisasikan.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



























**IMBAS KEMBALI  
MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN  
PERINGKAT NEGARA  
TAHUN 1441 HIJRAH**

**RANCANGAN KHAS SEMPENA MEMPERINGATI  
NUZUL AL-QUR'AN 1441H**



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،  
والصلاة والسلام على أشرف المرسلين، سيدنا محمد،  
وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد

Alhamdulillah, dengan rahmat-Nya jua, kita telahpun melimpasi separuh Ramadhan. Kita sekarang memperingati Nuzul Al-Qur'an yang berlaku pada 17 Ramadhan.

Tidak syak lagi, tarikh 17 Ramadhan adalah detik yang bersejarah yang tidak boleh diabaikan, kerana pada detik inilah dunia mula menerima cahaya Al-Qur'an, kitab suci yang menjadi penyelamat dunia.

Sebelum itu dunia kita berada dalam kegelapan. Manusia hidup terumbang ambing tanpa undang-undang dan peraturan.

Tetapi apabila Al-Qur'an turun, maka tirai kegelapan itu perlahan-lahan terbuka, dengan angin keadilan juga mulai bertiup, memadam segala tradisi jahiliyah yang teruk, seperti mengubur hidup-hidup kanak-kanak perempuan dan lain-lain.

Inilah jasa Al-Qur'an. Dengannya tamadun dapat berdiri tegak dan peradaban berkembang mewarnai alam jagat.

Kita di Brunei, in shaa Allah, tidak akan mengabaikan Al-Qur'an, sebagai sumber berkat dan rahmat bagi kehidupan. Rumah-rumah hendaknya jangan sunyi dari bacaan-bacaan Al-Qur'an, serta sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian pula dikehendaki untuk lebih menyemarakkan pendidikan Al-Qur'an itu.

Kita tidak mahu ada generasi yang tercicir Al-Qur'an yang tidak pandai membaca Al-Qur'an.

Pada hemat Beta, apa-apa yang mewarnai Brunei selama ini adalah turut ditentukan oleh keberkatan Al-Qur'an, kerana kita tidak pernah berenggang darinya, malah terus memelihara dan membacanya.

Wabak koronavirus alhamdulillah, sudah nampak dapat dikawal di Brunei. Ini juga Beta yakin, ada hubungan dengan cara kita mengawalinya, iaitu di samping mengikut cara-cara biasa, kita juga dari awal-awal lagi menanganinya dengan do'a-do'a dan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an.

Beta sekali-kali tidak ragu, bahawa do'a dan Al-Qur'an itu adalah penawar, dan bahkan senjata untuk menolak segala keburukan, termasuk tidak terkecuali wabak koronavirus.

Kelaziman pada setiap tahun, kita ada mengadakan Sambutan Nuzul Al-Qur'an dengan salah satu acara kemuncaknya ialah penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang dan peserta Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Akhir Kebangsaan.

Tetapi oleh kerana pada tahun ini majlis tidak dapat diadakan, maka hadiah-hadiah itu hanya akan disampaikan oleh pihak yang berkenaan secara di luar majlis sahaja.

Namun Beta, tetap tidak lupa untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua peserta, khususnya mereka yang berjaya di dalam musabaqah tersebut.

Kita berharap in shaa Allah, Nuzul Al-Qur'an akan dapat kita sambut seperti biasa pada tahun-tahun yang akan datang.

Merujuk kepada tema Sambutan Nuzul Al-Qur'an pada tahun ini, berbunyi: "Menjana Keberkatan Rezeki Dengan Al-Qur'an", adalah apa yang sedang berlaku di negara ini berupa keamanan, perpaduan dan wabak koronavirus dapat dikawal, tidak syak lagi

adalah satu nikmat rezki yang sangat bermakna yang bersumber dari keberkatan Al-Qur'an.

Mengapa tidak, bukanlah ayat-ayat Al-Qur'an itu penawar dan rahmat, di mana kita tidak pernah berhenti dari menghiiasi negara ini dengan cahaya Al-Qur'an, yang kita baca di rumah-rumah Allah, di rumah-rumah kita sendiri dan malah di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian, sehingga kesan keberkatan itu dapat kita dan negara nikmati.

Seyogia kita, janganlah melupakan semua ini.

Untuk akhirnya, marilah kita sama-sama konsisten menghayati do'a dan membaca Al-Qur'an, bukan sahaja kerana wabak, tetapi juga untuk Brunei mendapat lebih keberkatan, berupa keamanan, kemakmuran dan keselamatan.

Beta di sini, sukacita mengajak, supaya kita juga sama-sama mendo'akan mereka yang masih dirawat kerana positif koronavirus, supaya lekas-lekas sembuh dan dapat bertemu semula dengan keluarga masing-masing dalam keadaan selamat dan gembira.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



رنجاشن خاص سمقنا ممقرايغاتي

نزل القرآن  
١٤٤١ هـ

Rancangan Khas Sempena Memperingati  
Nuzul Al-Quran 1441H

Hari Isnin  
17 Ramadhan 1441H / 11 Mei 2020M

10.00 pagi

**RTB** **RTB** **RTB**  
perdana **Aneka** **SIKAMANDERA**

**nasjonal** نورالاسلام **RTBgo**  
New 83.3 & 94.9 FM



رنجاشن خاص سمقنا ممقرايغاتي

نزل القرآن  
١٤٤١ هـ

Rancangan Khas Sempena Memperingati  
Nuzul Al-Quran 1441H

تيا:  
منجانا كبركتن رزقي دغن القرآن

Tema:  
Menjana Keberkatan Rezeki  
Dengan Al-Qur'an



na Nuzul Al-Quran 1441H



Yang Mula

PG HJ HASLIN BIN PG HJ ALI

PENGERUSI JEMA'AH HAKIM MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QUR'AN BESERTA  
PEMAHAMANNYA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN BAGI TAHUN 1441 HIJRAH

نكت اخير كبغسان تاهون ١٤٤١هـ / ٢٠٢٠م  
Kias Sempena Nuzul Al-Quran 1441H



Johan Kategori A

NUR'ALIYAH AMANI BINTI MUHAMMAD AL-AMEEN

MUSABAQAH  
MENGHAFAZ AL-QURAN  
Peringkat Akhir kebangsaan

has Sempena Nozul Al-Quran 1441H

بكت اخير كبغسان تاهون ١٤٤١هـ / ٢٠٢٠م



MUSABAQAH  
MENGHAFAZ AL-QURAN  
Peringkat Akhir Kebangsaan

Johan Kategori B

NAJLA' SABREENA BINTI HAJI ABD RAJID

has Sempena Nozul Al-Quran 1441H

بكت اخير كبغسان تاهون ١٤٤١هـ / ٢٠٢٠م



MUSABAQAH  
MENGHAFAZ AL-QURAN  
Peringkat Akhir Kebangsaan

Johan Kategori C

MOHAMMAD SYABIL BIN SHAHRAM

Khas Sempena Nuzul Al-Quran 1441H

مکتب اخير کبھسان تھون ۱۴۴۱ھ / ۲۰۲۰م



MUSABABAH  
MENGAFAZ AL-QURAN  
Peringkat Akhir Kebangsaan

Johan Kategori D  
DK NURFAIEZAH BINTI PG HJ KAMALUDDIN

Khas Sempena Nuzul Al-Quran 1441H

مکتب اخير کبھسان تھون ۱۴۴۱ھ / ۲۰۲۰م



MUSABABAH  
MENGAFAZ AL-QURAN  
Peringkat Akhir Kebangsaan

Johan Kategori E  
ABDUL AZIZ BIN NOOR NASRAN







**PESERTA MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QUR'AN  
BERSERTA PEMAHAMANNYA  
PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN  
TAHUN 1442 HIJRAH**

**KATEGORI 'A'**

**Menghafaz 1 Juz**

**iaitu Juz 30 berserta Pemahaman Surah Al-Ghâsyiah,  
Surah Al-Fajr, Surah Adh-Dhuhâ dan Surah Al-Qadr  
bagi yang berumur 13 tahun ke bawah iaitu  
yang lahir pada tahun 2008 ke atas.**



Nama : Yang Mulia Awang Abdul  
Matin bin Zulfarein.  
Tarikh Lahir : 14 Oktober, 2008.  
Tempat Menuntut : Sekolah Arab Rimba,  
Kampung Rimba.



Nama : Yang Mulia Dayang Nur Izzah  
Insyirah binti Md. Bahrin.  
Tarikh Lahir : 17 April, 2010.  
Tempat Menuntut : Sekolah Al-Falaah,  
Kampung Sungai Akar.



Nama : Yang Mulia Dayang Nur  
Sofiyah Solehah binti  
Mohammad Fikri.  
Tarikh Lahir : 23 Disember, 2012.  
Tempat Menuntut : Sekolah Al-Falaah, Ban 5  
Kampung Mulaut.



Nama : Yang Mulia Dayang Nur'Aliyah  
Amani binti Muhammad  
Al-Ameen.  
Tarikh Lahir : 17 Julai, 2010.  
Tempat Menuntut : Sekolah Persediaan Arab,  
Bandar Seri Begawan.



Nama : Yang Mulia Dayang Sharifah  
Ayesha Al-Insyirah binti Shaikh  
Sharul Azhar.  
Tarikh Lahir : 12 Disember, 2008.  
Tempat Menuntut : Institut Tahfiz Al-Qur'an sultan  
Haji Hassanul Bolkiah.

## **KATEGORI 'B'**

### **Menghafaz Surah-Surah Pilihan**

**Surah Al-Kahfi, Surah Luqmân, Surah As-Sajdah,  
Surah Ar-Rahmân, Surah Al-Wâqî'ah, Surah Al-Mulk,  
Surah Al-Insân, Surah Yâsîn dan Surah Al-Jinn berserta  
Pemahaman Surah Al-Jumu'ah dan Surah An-Nûr  
bagi yang berumur 14 tahun ke atas  
yang lahir pada tahun 2007 ke atas.**



Nama : Yang Mulia Awang Abdul  
Qawiy bin Haji Mat Yamin.  
Tarikh Lahir : 06 Mei, 1993.  
Tempat Bertugas : Jabatan Radio Televisyen  
Brunei.



Nama : Yang Mulia Awang Amir  
Sabrin bin Hasmiron.  
Tarikh Lahir : 28 November, 2002.  
Tempat Menuntut : Maktab Duli Pengiran Muda  
Al-Muhtadee Billah.



Nama : Yang Mulia Dayang Siti Nur  
Darwisyah binti Sabli.  
Tarikh Lahir : 04 November, 2004.  
Tempat Menuntut : Sekolah Menengah Rimba 1,  
Kampung Rimba.



Nama : Yang Mulia Dayang Nuramal  
Shofiyyah binti Irma Shukrin.  
Tarikh Lahir : 17 Mei, 2005.  
Tempat Menuntut : Sekolah Ugama Arab  
Menengah Perempuan Raja  
Isteri Pengiran Anak Hajah  
Saleha.



Nama : Yang Mulia Awang  
Muhammad @ Munir bin  
Ibrahim.  
Tarikh Lahir : 08 Mei, 1995.  
Tempat Bertugas : Ma'had Islam Brunei,  
Tutong.

## **KATEGORI 'C'**

### **Menghafaz 3 Juz Al-Qur'an**

**laitu daripada Juz 1 hingga Juz 3  
berserta Pemahama Surah Al-Mâidah  
terbuka kepada semua peringkat umur.**



Nama : Yang Mulia Dayang Nur  
Kamaliah binti Haji Jahari.  
Tarikh Lahir : 14 Jun, 2005.  
Tempat Menuntut : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Awang Muhamad  
Faiz Najwan bin Muhamad  
Saleh.  
Tarikh Lahir : 11 Mei, 2005.  
Tempat Menuntut : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Awang Muhammad  
Azyad bin Dato Seri Setia Haji  
Abdul Aziz.  
Tarikh Lahir : 9 Februari, 1997.  
Tempat Menuntut : Universiti Islam Sultan Sharif  
Ali.



Nama : Yang Mulia Dayang Nur Izzy  
Aziah binti Ahmad.  
Tarikh Lahir : 21 Jun, 2005.  
Tempat Menuntut : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Awang Haji  
Julazni bin Haji Zaini.  
Tarikh Lahir : 23 Jun, 1987.  
Tempat Bertugas : Masjid Al-Muhtadee Billah,  
Kampung Sungai Kebun.

### **KATEGORI 'D'**

#### **Menghafaz 15 Juz Al-Qur'an**

**laitu daripada Juz 1 hingga Juz 15  
berserta Pemahaman Surah Al-Anbiâ' dan Surah Al-Hajj  
terbuka kepada semua peringkat umur.**



Nama : Yang Mulia Awang Ahmad Hamizan @Ahmad Aliridha bin Haji Laidin.  
Tarikh Lahir : 20 Ogos, 2004.  
Tempat Menuntut : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Awang Muhammad Azib bin Muhammad Azim.  
Tarikh Lahir : 29 Ogos, 2003.  
Tempat Menuntut : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Dayangku Syifrah Arifah binti Pengiran Haji Isa.  
Tarikh Lahir : 06 Disember, 2002.  
Tempat Menuntut : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Awang Abdul Afiq @Muhammad Afiq Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar.  
Tarikh Lahir : 23 April, 1995.  
Tempat Bertugas : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Dayang Siti Hafizah Al-Haziqah binti Ariffin.  
Tarikh Lahir : 10 November, 1995.  
Tempat Bertugas : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

## **KATEGORI 'E'**

### **Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an**

**laitu daripada Juz 1 hingga Juz 30  
berserta Pemahaman Surah Al-Ahqâf, Surah Muhammad,  
Surah Al-Fath, Surah Al-Hujurât dan Surah Qâf  
terbuka kepada semua peringkat umur.**



Nama : Yang Mulia Awang Muhamad  
Faturrahman bin Awang  
Embran.  
Tarikh Lahir : 22 Ogos, 1999.  
Tempat Menuntut : Ma'had Qiraat Syoubra.



Nama : Yang Mulia Awang Muhammad  
Hisyamuddin bin Haji Mahadini.  
Tarikh Lahir : 10 Mac, 1999.  
Tempat Menuntut : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan  
Haji Hassan al-Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Dayangku Nur  
Fatin Wahidah binti Pengiran  
Muhammad Sallehin.  
Tarikh Lahir : 21 Julai, 1998.  
Tempat Menuntut : Universiti Islam Sultan Sharif  
'Ali.



Nama : Yang Mulia Dayang Aqilah  
binti Haji Ayop.  
Tarikh Lahir : 25 November, 1994.  
Tempat Bertugas : Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan  
Haji Hassan al-Bolkiah.



Nama : Yang Mulia Awangku  
Muhammad Abdul Qadir bin  
Pengiran Haji Ibrahim.  
Tarikh Lahir : 24 Februari, 1997.  
Status Sekarang : Lulusan Ma'had Qiraat  
Syoubra.

**IMBASAN  
MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QUR'AN  
BERSERTA PEMAHAMANNYA  
PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN  
TAHUN 1442 HIJRAH**

## بِسْرَتِ قَمْهَامَنْشِ

قَرْيَڪَتِ اُخَيْرِ كَبْشَاءَنْ تَاهُونِ ١٤٤٢ھ / ٢٠٢١م



## بِسْرَتِ قَمْهَامَنْشِ

قَرْيَڪَتِ اُخَيْرِ كَبْشَاءَنْ تَاهُونِ ١٤٤٢ھ / ٢٠٢١م





**JAWATANKUASA KERJA  
MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN  
PERINGKAT NEGARA  
TAHUN 1442 HIJRAH**



## ***Penghargaan dan Terima Kasih***

### **Kepada**

Jawatankuasa Tertinggi Majlis  
Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam  
dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa  
Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1442H,  
Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an  
Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah,  
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan-Kakitangan  
dari Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan,  
Syarikat-Syarikat Swasta Yang Memberikan Sumbangan iaitu:  
Insurans Islam TAIB,  
Dynamic Technologies Sdn. Bhd.,  
Syarikat Fadil Al-Rashid Enterprise,  
Serta Semua Pihak Yang Terlibat Mengendalikan Majlis  
Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara  
Bagi Tahun 1442H

Sama-Sama Kita Berdoa  
Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala  
Melimpahkan Pahala dan Rahmat-Nya  
Kepada Kita Semua.

## Catatan

## Catatan

## Catatan

دچیتق اوله  
قرین ت فلس سندیرین برحد  
نکارا برونی دارالسلام



